



**Tahap Pengamalan Asas Islam Dalam Kalangan Mualaf Melalui Kelas Bimbingan
Mualaf: Kajian di Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang**

***Level of Basic Islamic Practice Among Converts Through Conversion Guidance Classes: A
Study at Hidayah Centre Foundation, Klang Valley***

Fadhilatul Ehsan Fakhrul Adabi,^a Muhammed Yusof,^b & Sayyid Buhar Musal Kassim^c

^{a b c} *Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya
(UM), Kuala Lumpur, Malaysia*

*ehsan.fadhilatul@gmail.com (corresponding author); my77@um.edu.my;
sayyidbuhar@um.edu.my*

Received Date:
30 January 2026
Accepted Date:
15 June 2026
Published Date:
31 July 2026

Abstract

The increasing number of Muslim converts necessitates a sustained commitment from the Muslim community to guide them in understanding and practicing the teachings of Islam. In Malaysia, various government and non-government agencies play a significant role in providing conversion guidance classes as an educational platform to strengthen converts' foundational understanding of Islam. A sound understanding of the fundamentals of Islam is essential to enable Muslim converts to practice Islamic teachings consistently in their daily lives. Accordingly, this study was conducted to analyse the level of basic Islamic practices among Muslim converts who participated in the Conversion Guidance Classes organised by the Hidayah Centre Foundation in the Klang Valley. This study employed a mixed-methods approach, comprising quantitative and qualitative methods. Quantitative data were collected through a questionnaire administered to 118 Muslim converts, while qualitative data were obtained through semi-structured interviews with five informants. Questionnaire data were analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 26.0 through descriptive statistical analysis, whereas interview data were analysed and presented descriptively. The findings indicate that the majority of Muslim converts demonstrated a high level of basic Islamic practice, as reflected in both the mean values of all measured items and the insights obtained from the informant interviews. The level of basic Islamic practice was assessed based on two main aspects, namely worship (ibadah) and moral conduct (akhlak). Specifically, the level of worship practices recorded high mean values across all items, ranging from 4.69 to 4.92. Similarly, all items related to moral conduct achieved high mean values, ranging from 4.81 to 4.95. Overall, the findings

suggest that the Conversion Guidance Classes play a crucial role in enhancing the level of basic Islamic practices among Muslim converts.

Keywords: converts, Conversion Guidance Class, basic Islamic Practice, Hidayah Centre Foundation

Abstrak

Peningkatan bilangan mualaf menuntut komitmen berterusan daripada komuniti Muslim untuk membimbing mereka mendalami ajaran agama Islam. Di Malaysia, pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan berperanan menyediakan kelas bimbingan mualaf sebagai medium pendidikan bagi memperkukuhkan kefahaman asas Islam. Kefahaman terhadap asas-asas Islam amat penting agar mualaf dapat mengamalkannya secara konsisten dalam kehidupan seharian. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis tahap pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf melalui Kelas Bimbingan Mualaf di Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif melalui pengedaran soal selidik kepada 118 orang responden mualaf serta temu bual lima orang informan mualaf. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 menerusi analisis statistik deskriptif, manakala data temu bual dianalisis dan dibentangkan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti mualaf mempunyai tahap pengamalan asas Islam yang tinggi berdasarkan hasil temu bual informan dan nilai min kesemua item yang dikemukakan. Tahap pengamalan asas Islam dinilai berdasarkan dua aspek utama iaitu ibadah dan akhlak. Secara khususnya, tahap pengamalan ibadah mualaf mencatatkan nilai min yang tinggi bagi semua item, iaitu antara 4.69 hingga 4.92. Bagi aspek akhlak pula, semua item turut memperolehi nilai min yang tinggi iaitu antara 4.81 hingga 4.95. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Kelas Bimbingan Mualaf memainkan peranan penting untuk meningkatkan tahap pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf.

Kata kunci: mualaf, Kelas Bimbingan Mualaf, pengamalan asas Islam, Hidayah Centre Foundation

Cite as: Fakhru Adabi, F. E., Yusof, M., & Musal Kassim, S. B. (2026). Tahap Pengamalan Asas Islam Dalam Kalangan Mualaf Melalui Kelas Bimbingan Mualaf: Kajian di Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang. *Journal of Al-Falah*, 2(1), 71–86.

Pendahuluan

Tujuan penciptaan manusia menurut perspektif Islam adalah untuk beribadah kepada Allah SWT dan melaksanakan Amanah sebagai khalifah di muka bumi. Bagi merealisasikan kedua-dua tanggungjawab tersebut, Allah SWT telah mengutuskan para nabi dan rasul untuk membimbing manusia agar melaksanakan dua tanggungjawab tersebut. Al-Quran pula

diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk diajarkan kepada umat manusia serta dijadikan sebagai panduan hidup. Agama Islam merupakan satu-satunya agama yang diredai oleh Allah SWT dan ditetapkan sebagai cara hidup yang menyeluruh bagi setiap Muslim. Kejayaan para nabi dan rasul dalam menyampaikan dakwah Islam kepada umat mereka telah menyumbang kepada penyebaran agama Islam secara meluas sehingga ke hari ini. Usaha dakwah ini kemudiannya diteruskan oleh umat Islam yang memahami tujuan penciptaan manusia, sekali gus menyumbang kepada peningkatan bilangan individu bukan Islam yang memeluk Islam. Golongan yang menerima Islam ini dikenali sebagai mualaf.

Peningkatan bilangan mualaf menuntut komitmen berterusan daripada komuniti Muslim untuk membimbing dan membantu mereka memahami ajaran agama Islam agar dapat diamalkan dalam kehidupan. Di Malaysia, terdapat pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berperanan membantu golongan mualaf, khususnya melalui penyediaan kelas bimbingan mualaf sebagai medium pembelajaran dan penghayatan agama Islam. Walaupun terdapat banyak kajian lepas yang dilakukan mengenai mualaf termasuk kajian terhadap agensi-agensi yang menguruskan hal ehwal mualaf, kajian yang meneliti secara khusus tahap pengamalan asas Islam di Kelas Bimbingan Mualaf oleh Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang masih terhad.

Penyataan Masalah

Islam adalah agama fitrah, iaitu agama yang benar dan satu-satunya agama yang diredai oleh Allah SWT serta sentiasa berada di bawah pemeliharaan Allah SWT daripada segala bentuk penyimpangan sehingga ke hari kiamat. Kesempurnaan ajaran agama Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak menjadikannya satu sistem yang holistik dan relevan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian manusia.

Sehubungan dengan itu, agama Islam dilihat semakin mendapat penerimaan dalam kalangan non-Muslim, yang dapat diperhatikan melalui peningkatan penglibatan individu non-Muslim dalam pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh agensi-agensi agama Islam. Hasilnya, ramai non-Muslim telah kembali ke agama fitrah mereka iaitu agama Islam. Berdasarkan laporan Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada tahun 2019, seramai 11,652 orang mualaf telah disantuni (Hamizul, 2020). Manakala, dalam Majlis Iftar Bersama Mualaf, Asnaf dan OKU yang dianjurkan oleh PERKIM Cawangan Klang dan Masjid Jamek Ar-Rahimiah, telah dilaporkan bahawa seramai kira-kira 450 orang mualaf telah terlibat dalam program tersebut (Ruwaida, 2023).

Sebagai golongan yang baru memeluk agama Islam, mualaf memerlukan bimbingan agama yang berterusan dan terancang bagi memantapkan kefahaman agama Islam mereka agar dapat diamalkan secara menyeluruh dalam kehidupan seharian. Walaupun pelbagai kelas bimbingan untuk golongan mualaf telah disediakan oleh agensi-agensi agama Islam seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membimbing mualaf mempelajari agama Islam, isu berkaitan tahap pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf masih menjadi persoalan yang perlu diberi perhatian. Hal ini merangkumi pengamalan aspek asas Islam seperti ibadah fardhu dan akhlak Islamiah dalam kehidupan seharian. Perkara ini berlaku kerana mualaf tidak mendapat bimbingan yang baik, tidak memahami ajaran agama Islam serta tidak mengamalkannya walaupun telah memeluk agama Islam melebihi tempoh lima tahun (Noraini et al., 2017).

Berdasarkan konteks tersebut, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis tahap pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf yang menyertai kelas bimbingan mualaf. Fokus kajian ini adalah untuk menilai sejauhmana penglibatan mualaf dalam kelas bimbingan dapat menyumbang kepada pengamalan asas Islam dalam kehidupan mereka.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis tahap pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf melalui Kelas Bimbingan Mualaf oleh Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang.

Kajian Literatur

Dalam pemeraksanaan mualaf, Kelas Bimbingan Mualaf memainkan peranan penting dalam membantu mualaf mengamalkan asas-asas Islam dalam kehidupan. Dalam kajian yang dilakukan oleh Hajar Opir et al., bertajuk *Pembangunan Insan Terhadap Saudara Baru Melalui Pendidikan Berasaskan Filantropi di Hidayah Centre Foundation*, beliau telah mengkaji keberkesanan kelas bimbingan mualaf. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelas bimbingan mualaf tersebut berjaya membantu mualaf untuk memahami Islam dan mengamalkan Islam dalam kehidupan (Hajar Opir et al., 2023).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohd Sabri bin Ismail, beliau menyatakan bahawa matlamat kelas fardhu 'ain yang dilaksanakan kepada mualaf adalah untuk meningkatkan pengetahuan agama Islam dalam kalangan mualaf. Matlamat tersebut dapat membantu mualaf untuk mengamalkan Islam secara berterusan walaupun bersendirian (Mohd Sabri, 2009). Kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Aswan Mohd Amin dan Abdul Ghafar Don ke atas dua organisasi dakwah Islam di Sabah, United Sabah Islamic Association (USIA) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) pula mendapati bahawa sekolah-sekolah agama telah diwujudkan untuk membantu para mualaf mempelajari agama Islam. Sebagai contoh, USIA telah menubuhkan Baitun Nur (Rumah Cahaya) yang dikenali juga sebagai Pusat Bimbingan Saudara Kita pada tahun 2008 untuk membimbing saudara baru mengenal Islam. Manakala, mualaf yang memeluk Islam di bawah JHEAINS akan mempelajari Islam di dalam program-program khas yang telah dirancang untuk membantu mualaf memahami Islam (Aswan, 2021). Hasil kajian ini dikuatkan lagi dengan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Siti Nurjannati Mohamed & Razaleigh Muhamat @ Kawangit ke atas mualaf di Hulu Langat yang mendapati bahawa seramai 123 orang daripada 132 orang mualaf (97%) bersetuju bahawa kelas bimbingan mualaf dapat membantu mualaf memahami Islam. Secara tidak langsung, ianya dapat membantu mualaf berterusan untuk mengamalkan asas Islam dalam kehidupan (Nujannati, 2020).

Namun begitu, bukan semua kelas pengajian agama Islam mualaf yang dilaksanakan oleh mana-mana organisasi kerajaan atau bukan kerajaan mendapat maklum balas yang memberangsangkan dari pihak mualaf. Dalam satu kajian yang melibatkan 13 orang mualaf sebagai informan dan menggunakan kaedah temu bual telah dilakukan oleh Norhana Abdullah et al. (2023). Hasil kajiannya mendapati terdapat ramai mualaf yang masih tidak dapat mengamalkan ajaran agama Islam secara konsisten seperti solat dan puasa kerana tidak memahami ajaran Islam dengan baik. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nur A'thiroh Masyaa'il Tan (2013) pula mendapati bahawa keberkesanan program pembangunan mualaf yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terhadap tahap pemahaman ilmu tauhid, feqah, akhlak, al-Quran dan sirah Rasulullah SAW berada di tahap sederhana. Begitu juga hasil kajian terhadap keberkesanan program pemeraksanaan mualaf mengenai tahap peningkatan amal ibadah seharian juga berada di tahap yang sederhana.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa tahap pengamalan asas-asas Islam dalam kalangan mualaf berkait rapat dengan tahap kefahaman asas Islam mereka. Hasil kajian mendapati bahawa kelas bimbingan mualaf dapat membantu mualaf meningkatkan kefahaman dan pengamalan asas-asas Islam dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian turut menunjukkan wujud kekangan dalam pelaksanaan kelas bimbingan yang

menjejaskan kefahaman mualaf. Namun begitu, kekangan-kekangan tersebut bersifat boleh diperbaiki melalui penambahbaikan oleh pihak penganjur.

Metodologi Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf melalui Kelas Bimbingan Mualaf anjuran Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang. Kajian ini, dijalankan di empat pusat Hidayah Centre Foundation (HCF) di Lembah Klang iaitu Ibu Pejabat HCF di Taman Melawati, Pejabat HCF di Damansara, Pejabat HCF di Bandar Tun Razak dan Pusat Komuniti IKRAM Kawasan Batu. Pengumpulan data kajian ini diperolehi melalui kaedah soal selidik dan temu bual. Instrumen borang soal selidik telah melalui proses semakan pakar bagi memastikan kesahan kandungan, dan beberapa penambahbaikan telah dilakukan berdasarkan perakuan penyelia sebelum diedarkan kepada responden. Data soal selidik yang telah diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 bagi tujuan pemprosesan dan analisis data. Responden kajian ini terdiri daripada 118 orang mualaf yang mengikuti Kelas Bimbingan Mualaf anjuran Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang. Selain itu, kaedah temu bual separa berstruktur turut dilaksanakan melibatkan lima orang mualaf bagi mendapatkan maklum balas yang lebih mendalam berkaitan pengamalan asas Islam selepas mengikuti kelas bimbingan tersebut. Data temu bual ini dianalisis secara deskriptif dan digunakan untuk menyokong dan menghuraikan data soal selidik.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Penglibatan mualaf dalam kelas bimbingan mualaf seharusnya menghasilkan pengamalan asas Islam yang konsisten setelah mereka mempelajari dan memahami ajaran agama Islam. Dapatan kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran latar belakang responden dan menganalisis tahap pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf.

Demografi Responden

Bahagian ini membincangkan berkaitan demografi responden bagi menggambarkan latar belakang responden kajian. Sebanyak sembilan item demografi telah dikemukakan kepada responden iaitu jantina, umur, kewarganegaraan, bangsa, status perkahwinan, tahap pendidikan, sektor pekerjaan, tempoh memeluk Islam dan sebab memeluk Islam. Taburan demografi bagi item-item terpilih dalam bahagian ini dirumuskan dalam Jadual 1 di bawah seperti berikut:

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

Bil	Perkara	Frekuensi	Peratus
1	Jantina:		
	Lelaki	37	31.4%
	Perempuan	81	68.6%
2	Umur:		
	18-29	21	17.8%
	30-40	42	35.6%
	40 ke atas	55	46.6%
3	Kewarganegaraan:		
	Warganegara	110	93.2%
	Bukan warganegara	5	4.2%
	Penduduk tetap	3	2.5%

4	Bangsa:		
	Cina	34	28.8%
	India	18	15.3%
	Etnik Sarawak	23	19.5%
	Etnik Sabah	29	24.6%
	Lain-lain	14	11.9%
5	Tahap Pendidikan:		
	Doktor Falsafah/Sarjana	3	2.5%
	Sarjana Muda	27	22.9%
	Diploma/STPM	21	17.8%
	SPM/MCE	48	40.7%
	PMR/SRP	5	4.2%
	Tiada kelulusan	14	11.9%
6	Tempoh memeluk Islam:		
	6 bulan – 9 tahun	39	33.1%
	10-19 tahun	28	23.7%
	20 tahun ke atas	51	43.2%
7	Sebab memeluk Islam:		
	Sebab berkahwin	43	36.4%
	Mudah mendapat bantuan	1	0.8%
	Hasil kajian	2	1.7%
	Pengaruh kawan	2	1.7%
	Mencari kebenaran	26	22%
	Lain-lain	44	37.3%

Berdasarkan jantina dalam Jadual 1 di atas, seramai 37 orang responden (31.4%) adalah lelaki manakala 81 orang responden (68.6%) adalah perempuan. Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh jumlah responden kajian ini terdiri daripada mualaf perempuan. Kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan mualaf perempuan lebih tinggi dalam menghadiri kelas bimbingan mualaf yang dianjurkan oleh Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang berbanding mualaf lelaki.

Dari segi umur, responden terdiri beberapa peringkat umur, iaitu 21 orang responden (17.8%) berumur 18-29 tahun, 42 orang responden (35.6%) berumur 30-40 dan 55 orang responden (46.6%) terdiri daripada kalangan berumur 40 tahun ke atas. Majoriti responden bagi kajian berada dalam kategori umur 40 tahun ke atas.

Berdasarkan item “kewarganegaraan”, seramai 110 orang responden (93.2%) adalah warganegara Malaysia, seramai 5 orang responden (4.2%) adalah bukan warganegara Malaysia manakala seramai 3 orang responden (2.5%) adalah penduduk tetap. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti mualaf yang menghadiri kelas bimbingan mualaf di Hidayah Centre Foundation Lembah Klang terdiri daripada warganegara Malaysia.

Bagi item “bangsa”, responden terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa dan etnik, iaitu 34 orang responden (28.8%) berbangsa Cina, 18 orang responden (15.3%) berbangsa India, 23 orang responden (19.5%) daripada etnik Sarawak, 29 orang responden (24.6%) daripada etnik Sabah dan 14 orang responden (11.9%) adalah daripada lain-lain bangsa seperti Punjabi, Jepun, Thailand, Filipina, Portugis, British, Nepal. Responden berbangsa Cina mencatatkan jumlah tertinggi, diikuti oleh etnik Sabah, etnik Sarawak, dan lain-lain bangsa.

Dari aspek status perkahwinan, majoriti responden terdiri daripada individu yang telah berkahwin, iaitu seramai 76 orang (64.4%). Selebihnya terdiri daripada 25 orang bujang (21.2%), 16 orang janda (13.6%) dan seorang duda (0.8%). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden kajian merupakan mualaf yang telah berkeluarga.

Berdasarkan item “latar belakang pendidikan”, 3 orang responden (2.5%) berkelulusan Doktor Falsafah/Sarjana, 27 orang responden (22.9%) adalah berkelulusan Sarjana Muda, 21

orang responden (17.8%) mempunyai diploma/STPM, 48 orang responden (40.7%) berkelulusan SPM/MCE, 5 orang responden (4.2%) berkelulusan PMR/SRP dan seramai 14 orang responden (11.9%) tidak mempunyai sebarang kelulusan akademik. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap pendidikan yang sederhana.

Dari segi sektor pekerjaan, seramai 21 orang responden (17.8%) bekerja dalam sektor kerajaan, seramai 34 orang responden (28.8%) dalam sektor swasta, 17 orang responden (14.4%) bekerja sendiri, manakala seramai 46 orang responden (39%) adalah tidak bekerja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa jumlah mualaf yang tidak bekerja adalah lebih tinggi berbanding mereka yang bekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan.

Bagi item “tempoh memeluk Islam”, seramai 39 orang responden (33.1%) telah memeluk Islam antara 6 bulan hingga 9 tahun, seramai 28 orang responden (23.7%) memeluk Islam antara 10-19 tahun dan seramai 51 orang responden (43.2%) memeluk Islam antara 20 tahun dan ke atas. Data menunjukkan majoriti responden yang menghadiri Kelas Bimbingan Mualaf di Hidayah Centre Foundation Lembah Klang telah memeluk Islam antara 20 tahun dan ke atas.

Seterusnya, item “sebab mualaf memeluk Islam” menunjukkan bahawa 43 orang responden (36.4%) memeluk Islam kerana perkahwinan, seorang responden (0.8%) kerana mudah mendapat bantuan, dua orang responden pula (1.7%) kerana hasil kajian, manakala dua orang responden (1.7%) adalah disebabkan pengaruh kawan, manakala seramai 26 orang responden (22%) kerana mencari kebenaran, dan seramai 44 orang responden (37.3%) menyatakan pelbagai sebab lain seperti mendapat bimbingan, memeluk Islam kerana Allah, tertarik dengan ajaran Islam, mendapat hidayah, suka mendengar laungan azan dan bermimpi. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor pelbagai sebab dan perkahwinan merupakan pendorong utama kepada pengislaman responden kajian.

Tahap Pengamalan Asas Islam Mualaf Melalui Kelas Bimbingan Mualaf oleh Hidayah Centre Foundation (HCF) Lembah Klang

Dalam kajian ini, tahap pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf yang mengikuti Kelas Bimbingan Mualaf anjuran Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang dinilai berdasarkan dua aspek utama, iaitu ibadah dan akhlak. Pemilihan kedua-dua aspek ini adalah berasaskan peranannya sebagai kayu ukur dalam menilai sejauh mana ajaran agama Islam diamalkan oleh mualaf dalam kehidupan seharian. Bagi menilai tahap pengamalan asas Islam tersebut, kajian ini menggunakan kaedah pengukuran berdasarkan kekerapan (frekuensi), peratus kepada skala likert yang meliputi pilihan ‘sangat tidak’ ‘setuju’, ‘tidak setuju’, ‘tidak pasti’, ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ serta nilai purata min.

Pengamalan Ibadah

Ibadah merujuk kepada pelaksanaan rukun Islam dan amalan harian seorang Muslim sebagai manifestasi kepatuhan dan pengabdian kepada Allah SWT. Perkara berkaitan ibadah perlu dipelajari dan difahami dengan sebaiknya kemudian diamalkan. Pelaksanaan ibadah menuntut kefahaman yang tepat terhadap tatacara dan prinsip sebelum ia dilaksanakan secara konsisten dalam kehidupan. Pengamalan ibadah yang berterusan ini mencerminkan komitmen seseorang sebagai hamba Allah (Muhammad Husain, 2018). Dalam konteks mualaf, proses mempelajari dan melaksanakan ibadah merupakan fasa yang sangat penting dalam pembentukan identiti dan jati diri sebagai seorang Muslim. Kefahaman yang benar dan kukuh terhadap ibadah dapat melahirkan mualaf yang istiqamah dalam melaksanakan ajaran agama Islam. Sehubungan dengan itu, melalui Kelas Bimbingan Mualaf yang dianjurkan oleh Hidayah Centre Foundation

(HCF) di Lembah Klang, mualaf dibimbing dengan sistematik agar dapat membantu mualaf menghayati dan mengamalkan ibadah-ibadah asas selaras dengan tahap kefahaman dan pengamalan ibadah mereka. Dalam kajian ini, lima item soalan telah dikemukakan kepada mualaf selaku responden untuk menilai tahap pengamalan ibadah mereka. Hasil kajian mengenai tahap pengamalan ibadah mualaf telah dihuraikan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pengamalan Ibadah Mualaf

Bil	Item	STS*	TS*	TP*	S*	SS*	Min	SP*
1	Sentiasa membersihkan diri dari najis dan hadas untuk berwuduk dan solat.	-	-	-	10 (8.5%)	108 (91.5%)	4.92	0.280
2	Sentiasa berwuduk sebelum solat.	-	-	-	9 (7.6%)	109 (92.4%)	4.92	0.267
3	Sentiasa solat fardhu 5 kali sehari.	-	4 (3.4%)	-	8 (6.8%)	106 (89.8%)	4.83	0.589
4	Kerap membaca iqra'/al-quran.	-	5 (4.2%)	-	22 (18.6%)	91 (77.1%)	4.69	0.688
5	Berpuasa di bulan Ramadan.	-	-	-	7 (5.9%)	111 (94.1%)	4.94	0.237

*Kata Kunci: STS=Sangat Tidak Setuju; TS=Tidak Setuju; TP=Tidak Pasti; S=Setuju; SS=Sangat Setuju; SP=Sisihan Piawai.

Berdasarkan Jadual 2, item 1 menyatakan: “Sentiasa membersihkan diri dari najis dan hadas untuk berwuduk dan solat.”, seramai 91.5% (108) responden memilih ‘sangat setuju’ dan 8.5% (10) responden memilih ‘setuju’. Tiada responden yang menyatakan ‘tidak pasti’, ‘tidak setuju’ dan ‘sangat tidak setuju’. Ini menunjukkan bahawa majoriti mualaf mempunyai tahap pengamalan ibadah berkaitan taharah yang sangat baik dan disokong dengan nilai min = 4.92. Dapatan ini turut menunjukkan kesedaran tinggi mualaf terhadap kepentingan menjaga kebersihan diri yang merupakan syarat sah wuduk dan ibadah seperti solat, membaca al-Quran dan tawaf.

Hasil kajian temu bual selari dengan dapatan soal selidik, di mana kebanyakan informan kajian menyatakan bahawa mereka sentiasa membersihkan diri daripada najis dan hadas untuk melakukan wuduk dan menunaikan solat. Sebagai contoh, kesemua informan kajian menyatakan bahawa mereka sentiasa membersihkan diri sebelum wuduk dan solat. Informan 3 berkata:

“Antara sebab saya suka dan tertarik dengan agama Islam kerana ianya sangat menitikberatkan kebersihan. Saya belajar bersungguh-sungguh tajuk taharah yang melibatkan jenis-jenis najis, hadas kecil dan hadas besar sebab risau ibadah saya tidak diterima. Nak berwuduk pun saya akan pastikan diri saya, pakaian saya dan Kawasan sekeliling saya bersih dari najis.”

Namun begitu, terdapat informan yang menyatakan bahawa beliau mengalami kekeliruan mengenai mandi wajib. Informan 1 menjelaskan:

“Saya tahu kita kena mandi wajib selepas habis haid. Tetapi, kadang-kadang saya terlupa untuk mandi wajib selepas haid, dan terus menunaikan solat seperti biasa. Selepas beberapa kali solat, baru saya teringat saya kena mandi wajib.”

Bagi item 2: “Sentiasa berwuduk sebelum solat.”, seramai 92.4% (109) responden menyatakan ‘sangat setuju’ dan 7.6% (9) responden menyatakan ‘setuju’. Tiada responden yang menyatakan ‘tidak pasti’, ‘tidak setuju’ dan ‘sangat tidak setuju’. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti mualaf selaku responden kajian memahami kewajipan berwuduk sebagai syarat sah solat dan mengamalkannya setiap kali menunaikan solat. Ini dibuktikan dengan nilai min = 4.92. Dapatan ini menunjukkan bahawa Kelas Bimbingan Mualaf yang dihadiri oleh mualaf telah berjaya mendidik mualaf memahami kepentingan wuduk sebagai syarat sah solat.

Hasil kajian soal selidik ini juga selari dengan hasil kajian melalui temu bual. Semua informan menyatakan bahawa mereka sentiasa berwuduk sebelum menunaikan solat. Informan 3 berkata:

“Bagi saya, wuduk itu mudah. Mula-mula saya berwuduk dengan anggota wuduk yang rukun dulu. Kemudian, saya amalkan berwuduk dengan anggota sunat pula. Itu yang membuatkan saya rasa wuduk itu mudah.”

Informan 4 pula menyatakan:

“Ustaz yang mengajar kami wuduk memberi penerangan yang sangat jelas. Selepas sebulan saya menghadiri kelas ini, saya dah berjaya mengambil wuduk dengan baik.”

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa informan yang masih belum mahir mengenai ibadah wuduk. Informan 1 menjelaskan:

“Saya tahu kena ambil wuduk setiap kali nak solat, tapi saya masih keliru antara anggota wuduk yang wajib dengan anggota sunat.”

Informan 2 pula menyatakan:

“Setiap kali wuduk, saya hanya buat yang rukun sahaja. Sebab itu yang mudah untuk saya amalkan.”

Ramai mualaf berwuduk dengan mengamalkan anggota rukun dahulu. Setelah mereka mahir, mereka mula mengamalkan berwuduk dengan anggota sunat. Hasil kajian mendapati bahawa mualaf memerlukan masa untuk melaksanakan wuduk mengikut urutan yang betul melibatkan rukun wuduk dan sunat wuduk. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Informan 5:

“Saya masih terlupa urutan wuduk yang betul. Jadi ustaz cakap buat yang wajib dulu, baru buat bersama-sama dengan anggota wuduk yang sunat.”

Seterusnya dalam item 3: “Sentiasa solat fardhu 5 kali sehari.”, mencatatkan 89.9% (106) responden menyatakan ‘sangat setuju’, 6.8% (8) responden menyatakan ‘setuju’ manakala seramai 3.4% (4) responden menyatakan ‘tidak setuju’. Dapatan kajian menunjukkan komitmen majoriti 96.7% (114) responden dalam menunaikan solat fardhu sebagai tiang agama dan medium perhubungan dengan Allah SWT dan disokong dengan nilai min = 4.83. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa Kelas Bimbingan Hidayah Centre Foundation (HCF) Lembah Klang berkesan dalam penerapan mengamalkan ibadah solat dalam kalangan mualaf.

Namun begitu, dapatan minoriti 3.4% (4) responden menyatakan ‘tidak setuju’ menunjukkan bahawa mereka perlu dibantu untuk mendirikan solat 5 waktu setiap hari. Dapatan temu bual menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh mualaf untuk menunaikan solat fardhu. Menurut Informan 1:

“Saya susah untuk menunaikan solat Subuh sebab rushing untuk keluar pergi kerja. Lepas balik kerja pula, saya selalu tertidur sebab penat dan terlepas menunaikan solat Isyak sekali.”

Informan 5 pula berkata:

“Antara sebab saya masih susah nak tunaikan solat lima waktu ialah saya masih belum lancar dan hafal membaca bacaan dalam solat sebab bacaan dalam solat semuanya dalam Bahasa Arab.”

Bagi item 4: “Kerap membaca iqra’/al-quran”, seramai 77.1% (91) responden menyatakan ‘sangat setuju’, 18.6% (2) responden menyatakan ‘setuju’, manakala 4.2% (5) responden menyatakan ‘tidak setuju’. Dapatan kajian menunjukkan pengamalan mualaf terhadap amalan membaca Al-Quran adalah tinggi disokong oleh nilai min = 4.69. Item ini diajukan kepada responden adalah untuk menilai tahap pengamalan mualaf terhadap usaha dalam membaca Al-Quran. Kekekapan mualaf secara konsisten dalam membaca ‘iqra’ di rumah selain di kelas membolehkan mualaf cepat dan mudah untuk membaca Al-Quran. Informan 5 menjelaskan:

“Saya sekarang sudah berada di Iqra’ 4 dan hampir masuk Iqra’ 5. Di rumah, saya akan baca sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Sebelum ke kelas, biasanya saya akan mengulang-kaji bacaan Iqra’ sebelum saya mengaji dengan ustaz/ustazah”.

Informan 3 telah menceritakan mengenai perasaan beliau ketika membaca Al-Quran. Beliau menceritakan:

“Saya rasa saya telah jatuh cinta dengan Al-Quran. Setiap kali saya membaca Al-Quran, hati dan jiwa saya berasa sangat tenang. Perasaan ini menyebabkan saya sentiasa berusaha untuk memahami isi kandungan Al-Quran. Saya juga sering mendengar kisah tadabbur Al-Quran di YouTube untuk lebih menghayati kisah-kisah yang ada di dalam Al-Quran.”

Manakala Informan 4 berkata:

“Saya daftar kelas mengaji online tiga kali seminggu dan saya berjaya menghabiskan bacaan Iqra’ saya dalam masa enam bulan. Sekarang saya masih meneruskan bacaan Al-Quran

dengan kelas tersebut. Di sini, saya juga bantu pihak HCF mengajar mualaf baru membaca Iqra'."

Namun begitu, mualaf yang hanya membaca Iqra' di Kelas Bimbingan Mualaf sahaja didapati mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai tahap kemahiran membaca Al-Quran. Perkara ini disokong oleh dapatan temu bual dengan Informan 1 yang menyatakan:

"Saya masih berada di Iqra 2 sebab saya tidak membaca Iqra' di rumah. Saya belajar Iqra' di kelas ini sahaja sebab ada guru yang mengajar."

Berdasarkan item 5: "Berpuasa di bulan Ramadan", seramai 94.1% (111) responden menyatakan "sangat setuju" dan seramai 5.9% (7) responden menyatakan 'setuju'. Tiada responden yang menyatakan sebaliknya. Nilai min = 4.94 menunjukkan pengamalan ibadah puasa yang tinggi dalam kalangan responden. Dapatan ini juga bertepatan dengan dapatan temu bual. Menurut Informan 3:

"Sepanjang dua tahun saya menjadi Muslim, saya berjaya berpuasa penuh di bulan Ramadan kecuali bila datang haid. Saya juga biasa melakukan puasa sunat."

Informan 4 berkata:

"Puasa ini memang sudah menjadi kebiasaan saya walaupun sebelum saya masuk Islam."

Namun, terdapat juga informan yang menghadapi cabaran untuk melaksanakan puasa penuh di bulan Ramadan. Informan 2 menjelaskan:

"Kadang-kadang saya tidak berpuasa pada bulan Ramadan kerana terlalu penat dan cuaca terlalu panas."

Informan 1 pula berkata:

"Saya masih belum biasa berpuasa 30 hari berturut-turut, tapi saya usahakan juga melakukan puasa."

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengamalan asas ibadah mualaf berada pada tahap yang tinggi, menggambarkan kesiapsiagaan mereka untuk menempuhi kehidupan seharian sebagai seorang Muslim dan berusaha memperbaiki kualiti ibadah masing-masing. Kelas Bimbingan Mualaf yang dianjurkan oleh Hidayah Centre Foundation Lembah Klang dapat memberi kesan yang positif terhadap pengamalan asas ibadah dalam kehidupan seharian mualaf.

Pengamalan Akhlak

Akhlak mulia merupakan tuntutan utama dalam agama Islam, yang wajib diamalkan oleh setiap Muslim berdasarkan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Hal ini kerana, akhlak yang mulia berperanan sebagai asas keamanan dan keharmonian hidup dalam masyarakat. Dalam konteks pemerkasaan mualaf, pemahaman yang benar tentang konsep akhlak dapat melahirkan individu yang berakhlak mulia. Pengamalan asas akhlak mulia ini mencerminkan tahap pemahaman

mualaf terhadap prinsip-prinsip akhlak Islamiah yang telah diajarkan kepada mereka. Sehubungan itu, Kelas Bimbingan Mualaf yang dianjurkan oleh Hidayah Centre Foundation (HCF) di Lembah Klang, telah menyediakan bimbingan yang sistematik kepada mualaf untuk menghayati dan mengamalkan asas-asas akhlak Islamiah sebagai hiasan diri. Dalam kajian ini, lima item soalan telah dikemukakan kepada mualaf selaku responden untuk menilai tahap pengamalan asas akhlak mereka. Hasil kajian mengenai tahap pengamalan akhlak mualaf telah dihuraikan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Pengamalan Akhlak Mualaf

Bil	Item	STS*	TS*	TP*	S*	SS*	Min	SP*
11	Berbuat baik kepada ahli keluarga.	-	-	-	6 (5.1%)	112 (94.9%)	4.95	0.221
12	Memberi salam kepada sesama Muslim.	-	1 (0.8%)	-	15 (12.7%)	102 (86.4%)	4.85	0.426
13	Mudah memaafkan orang lain.	-	1 (0.8%)	-	19 (16.1%)	98 (83.1%)	4.81	0.452
14	Menutup aurat.	-	2 (1.7%)	-	8 (6.8%)	108 (91.5%)	4.88	0.456
15	Membantu ibu bapa.	-	1 (0.8%)	-	8 (6.8%)	109 (92.4%)	4.91	0.370

*Kata Kunci: STS=Sangat Tidak Setuju; TS=Tidak Setuju; TP=Tidak Pasti; S=Setuju; SS=Sangat Setuju; SP=Sisihan Piawai.

Berdasarkan Jadual 3, item 11: “Berbuat baik kepada ahli keluarga.”, seramai 94.9% (112) responden menyatakan ‘sangat setuju’ dan 5.1% (6) responden menyatakan ‘setuju’. Tiada responden yang memilih ‘tidak pasti’, ‘tidak setuju’ dan ‘sangat tidak setuju’. Dapatan ni menunjukkan bahawa majoriti mualaf memiliki tahap pengamalan akhlak yang sangat baik dalam berbuat baik kepada semua ahli keluarga, walaupun ahli keluarga tersebut belum Muslim dan disokong dengan nilai min = 4.95. Walaupun sebahagian mualaf mungkin menghadapi cabaran dan tekanan daripada ahli keluarga yang belum dapat menerima pengislaman mereka, hasil kajian menunjukkan bahawa mereka sedaya upaya melakukan kebaikan kepada ahli keluarga mereka. Hal ini menunjukkan bahawa mualaf sangat memahami kepentingan berakhlak mulia kepada ahli keluarga agar ahli keluarga dapat melihat keindahan ajaran Islam dari diri mereka. Dalam temu bual, Informan 1 menyatakan:

“Sebelum ini, saya seorang anak yang keras kepala dan selalu bergaduh dengan adik-beradik. Sejak saya memeluk Islam dan mempelajari ajaran agama Islam, ibu bapa saya cakap saya dah banyak berubah kepada yang lebih baik. Lebih banyak bertoleransi dan bertolak ansur.”

Informan 4 pula berkata:

“Saya seorang yang mudah melenting sebelum ini. Selepas memeluk Islam, saya menjadi seorang yang lebih penyabar. Ibu bapa saya sangat gembira dengan perubahan saya. Adik saya

juga menunjukkan minat untuk belajar Islam. Pada saya, berdakwah melalui akhlak mulia itu benar-benar berlaku walaupun saya sedar masih banyak yang saya perlu perbaiki.”

Menurut Informan 5, beliau menyatakan bahawa beliau memang sentiasa berbuat baik kepada ahli keluarga walaupun sebelum memeluk Islam. Namun, selepas memeluk Islam dan menghadiri kelas bimbingan mualaf, beliau lebih bermotivasi untuk berbuat baik kepada semua orang kerana beliau tahu setiap kebaikan yang beliau lakukan akan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah.

Bagi item 12: “Memberi salam kepada sesama Muslim”, seramai 86.4% (102) responden menyatakan ‘sangat setuju’ dan 12.7% (15) responden menyatakan ‘setuju’. Hanya terdapat seorang (0.8%) responden sahaja menjawab ‘tidak setuju’. Dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden kajian mempunyai tahap pengamalan akhlak yang baik dalam mengamalkan sunnah memberi salam sebagai cara menyuburkan kasih sayang dan mengeratkan ukhuwah sesama Muslim dan dibuktikan dengan nilai min = 4.92. Informan 3 melaporkan:

“Saya sangat terkesan dengan pengalaman ustazah saya yang belajar di Timur Tengah. Beliau menceritakan bahawa masyarakat Arab sentiasa memberi salam kepada sesiapa yang mereka jumpa walaupun mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Jadi kisah ustazah saya ini menjadi motivasi kepada saya untuk memberi salam kepada orang lain.”

Namun begitu, terdapat beberapa informan yang masih menghadapi kekangan. Informan 1 berkata:

“Saya masih berasa segan untuk memberi salam kepada orang yang saya tidak kenal. Jadi saya hanya akan beri salam kepada orang yang dikenali sahaja.”

Informan 2 menjelaskan:

“Saya rasa awkward untuk memberi salam kepada setiap orang Islam yang dijumpai. Sedangkan orang yang born Muslim pun ada yang saya lihat mereka tidak memberi salam pun kepada sesama Muslim.”

Manakala Informan 5 pula menyatakan bahawa beliau masih belum ada kekuatan untuk memberi salam kepada sesama Muslim yang tidak dikenali.

Seterusnya bagi item 13: “Mudah memaafkan orang lain.”, seramai 83.1% (98) responden menyatakan ‘sangat setuju’ dan 16.1% (19) responden menyatakan ‘setuju’. Namun, terdapat seorang 0.8% responden menyatakan ‘tidak setuju’ terhadap pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa majoriti mualaf berjaya mengamalkan sifat pemaaf, selaras dengan sunnah Nabi Muhammad SAW, yang dapat memperbaiki dan merapatkan hubungan sesama manusia serta mengelakkan berlakunya permusuhan dan disokong dengan nilai min = 4.81. Informan 1 berkata:

“Dulu saya susah nak maafkan orang lain sebab ego saya tinggi. Tapi, sekarang selepas menghadiri kelas bimbingan dan mendengar sirah Rasulullah SAW yang selalu memaafkan musuh.

Jadi, saya pun berusaha merendahkan ego dan bersifat lebih pemaaf.”

Bagi item 14: “Menutup aurat”, seramai 91.5% (108) responden menyatakan ‘sangat setuju’ dan 6.8% (8) responden menyatakan ‘setuju’ sahaja. Hanya 41.7% (2) responden sahaja menyatakan ‘tidak setuju’. Nilai min = 4.88 yang diperolehi menunjukkan pengamalan menutup aurat di kalangan majoriti mualaf berada pada tahap yang tinggi. Informan 3 berkata:

“Saya selesa memakai tudung, pakaian yang labuh dan longgar. Bagi saya, pemakaian yang digariskan oleh agama Islam ini sangat menjaga kehormatan dan kemuliaan seorang wanita.”

Namun begitu, terdapat informan yang masih sukar untuk menutup aurat secara konsisten. Informan 5 menjelaskan:

“Saya hanya memakai tudung semasa hadir ke kelas bimbingan ini sahaja. Di luar kelas, saya masih belum bersedia untuk memakai tudung kerana ahli keluarga saya masih belum tahu mengenai keislaman saya.”

Bagi item 15: “Membantu ibu bapa”, 92.4% (109) responden menyatakan ‘sangat setuju’ dan seramai 6.8% (8) responden menyatakan ‘setuju’. Hanya seorang 0.8% responden sahaja yang menyatakan ‘tidak setuju’. Nilai min = 4.91 yang diperolehi menunjukkan majoriti mualaf memahami tanggungjawab anak terhadap ibu bapa walaupun mereka masih belum Muslim. Dalam temu bual, Informan 1 menyatakan:

“Ibu bapa saya telah meninggal dunia sejak saya kecil dan dibesarkan oleh pak cik dan mak cik saya. Mereka ibarat ibu bapa kandung saya dan saya sering membantu mereka bila diperlukan.”

Informan 4 berkata:

“Saya sentiasa memberikan bantuan yang terbaik kepada ibu bapa saya. Sebelum saya memeluk Islam, agama sebelum ini memang mengajar memuliakan ibu. Selepas saya memeluk Islam, saya meningkatkan lagi kualiti khidmat bakti saya kepada mereka.”

Informan 5 menjelaskan:

“Saya tinggal jauh daripada ibu bapa saya kerana saya bekerja di bandar. Setiap kali pulang ke kampung, saya berusaha membantu mereka sebanyak mungkin dan memanfaatkan masa bersama mereka.”

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden dan informan telah melaksanakan pengamalan asas-asas akhlak Islam dalam kehidupan mereka. Walaupun terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam mengamalkan sepenuhnya akhlak Islamiyyah, majoriti mualaf berusaha meningkatkan diri untuk menjadi Muslim yang lebih baik. Kelas Bimbingan Mualaf yang dianjurkan oleh Hidayah Centre Foundation di Lembah

Klang ini telah menunjukkan kesan positif yang sangat baik dan cemerlang dalam pembentukan akhlak mualaf.

Kesimpulan

Kelas Bimbingan Mualaf yang dianjurkan oleh Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang bertujuan untuk membentuk mualaf yang mampu mengamalkan asas-asas ajaran Islam secara berterusan dalam kehidupan. Pengamalan asas-asas Islam yang merangkumi aspek ibadah dan akhlak merupakan elemen penting yang perlu diterapkan dalam diri mualaf bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Hal ini bertepatan dengan prinsip Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh. Oleh itu, setiap Muslim dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ibadah wajib seperti menunaikan solat fardu lima waktu dan berpuasa di bulan Ramadan, serta menunaikan zakat dan haji apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syariat. Pengamalan ibadah dapat membezakan kehidupan seorang Muslim daripada bukan Muslim. Ibadah juga menunjukkan hubungan yang erat di antara hamba dengan Pencipta (*habl min Allah*). Manakala pengamalan akhlak pula menunjukkan hubungan yang baik sesama manusia (*habl min al-nās*). Justeru itu, setiap Muslim dituntut untuk menghiiasi diri dengan akhlak Islamiah. Hal ini kerana akhlak yang baik merupakan cerminan agama serta salah satu medium dakwah untuk menunjukkan keindahan agama Islam.

Bibliografi

- Abdul Hamid, H. (2020). Pembangunan Muallaf di Selangor, In *Edisi Majlis Agama Islam Selangor*, Bil. 1/2020, pp 3.
- Abdullah, N. A. M. T. (2013). *Program Dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) kepada Saudara Muslim: Kajian Tentang Persepsi dan Keberkesanannya* [Tesis kedoktoran: Universiti Malaya, 2013].
- Abdullah, N., Mastor, K. A., Muhamat @ Kawangit, R., & Awang, A. (2023). Development of Human Capital Through the Islamic Education of Our Brothers (Mu'alaf) in Terengganu. *Afkar*, 25(1), 159-198.
- Isa, M. H., & Manshur, A. (2018). *Syarah 10 Muwashafat: Penjelasan Lengkap 10 Karakter Muslim Tangguh*, Terj. Faridi dan Syauqi Hafizh. Indonesia: Era Adicitra Intermedia.
- Md Zain, R. (2023). Azan dan Wuduk Jentik Hati Peluk Islam. *Hmetro*. Diakses 3 April 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952766/azan-dan-wuduk-jentik-hati-peluk-islam>.
- Mohamad, N., Abd. Majid, M., & Omar, A. N. (2017). Metodologi Pengajaran Mualaf di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 4(2), 215-233.
- Mohamed, S. N., & Muhamat @ Kawangit, R. (2020). Analisis Ringkas Impak Dakwah Kepada Golongan Mualaf di Hulu Langat, Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 110-123.
- Mohd Amin, M. A., & Don, A. G. (2021). Peranan Organisasi Islam Dalam Gerakan Dakwah Mualaf di Sabah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 42-52.
- Mohd Sabri bin Ismail, "Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru Di PERKIM Kelantan: Kajian Mengenai Keberkesanan" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2009).
- Opir, H., Abdullah, W. Y., Muhammad Arif, E. E., & Lukas, J. (2023). Pembangunan Insan Terhadap Saudara Baru Melalui Pendidikan Berasaskan Filantropi Di Hidayah Centre Foundation. *AL-QANATIR International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 129-141.

Lampiran

Informan 1 (Mualaf: Hidayah Centre Foundation Batu), dalam temubual dengan penulis, 13 Julai 2025.

Informan 2 (Mualaf: Hidayah Centre Foundation Kota Damansara), dalam temubual dengan penulis, 20 Julai 2025.

Informan 3 (Mualaf: Hidayah Centre Foundation Bandar Tun Razak), dalam temubual dengan penulis, 19 Julai 2025.

Informan 4 (Mualaf: Hidayah Centre Foundation Bandar Tun Razak), dalam temubual dengan penulis, 19 Julai 2025.

Informan 5 (Mualaf: Hidayah Centre Foundation Taman Melawati), dalam temubual dengan penulis, 26 Julai 2025.